



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
SIRI NENG BUAH
TOKOH SEJARAWAN UNESCO**

OLEH:

MUHAMMAD RIFAIE BIN MOHD NADZRI

2014955015

INDERA SYAH IYMAN BIN ROSLAN

2014933813

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
SIRI NENG BUAH
TOKOH SEJARAWAN UNESCO**

OLEH:

MUHAMMAD RIFAIE BIN MOHD NADZRI	2014955015
INDERA SYAH IYMAN BIN ROSLAN	2014933813

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah SWT. Kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Pendokumentasikan Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, pelbagai cabaran yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda dan dengan izinnya juga kami dapat menyelesaikan segala masalah yang dihadapi sepanjang menyiapkan projek ini.

Jutaan Terima Kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR604, Oral Documentation (Pendokumentasian Sejarah Lisan), Puan Nor Kamariah Bt Chik yang telah memberikan segala ilmu dan pengetahuan yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini. Terima Kasih yang tidak terhingga sekali lagi di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya. Kerana tanpa bimbingan dari beliau kami mungkin tidak dapat menyelesaikan Projek Pendokumentasian Sejarah Lisan ini pada waktu yang ditetapkan.

Selain daripada itu, setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan jutAan terima kasih, kami salurkan kepada tokoh sejarahwan yang disanjung bukan sahaja di Malaysia malah juga di mata dunia iaitu Siri Neng Buah. Walaupun beliau sibuk dengan pelbagai urusan berkenaan dengan seni budaya, tetapi beliau sempat meluangkan masa bersama kami malah beliau turut memberi kerjasama sepenuhnya kepada kami ketika sesi menemubual untuk kami mencari maklumat tentang kejadian di sebalik Sungai Golok dijadikan Sempadan Malaysia dan Thailand demi menyiapkan Projek Pendokumentasian Sejarah Lisan ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, ibu bapa serta rakan-rakan yang banyak memberi tunjuk ajar kepada kami semasa menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian, Terima Kasih

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Perjanjian Rasmi Yang Terlibat Di Sebalik Pemisah Thailand dan Malaysia.....	26
Bahagian 3:Apakah Isu dan Konflik Yang Menyebabkan Sungai Golok Di Pilih Sebagai Garis Sempadan?	48
Lampiran	
Log Wawancara.....	54
Senarai soalan.....	61
Surat Perjanjian.....	63
Gambar.....	64
Indeks.....	67

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara Siri Neng Buah dan Indera Syah Iyman bersama Muhammad Rifaie mengenai kejadian yang berlaku di sebalik Pemilihan Sungai Golok yang dijadikan Sempadan antara Malaysia dan Thailand. Transkrip temubual ini dijalankan di Pusat Internet 1 Malaysia di daerah Tumpat, Kelantan, di mana tempat Pak Siri meluangkan masa untuk menyiapkan kerja-kerjanya. Temubual ini dijalankan pada 28 April 2016 bermula jam 2.25 petang. Pak Siri adalah salah seorang tokoh sejarawan yang mempunyai ilmu yang tinggi tentang sejarah-sejarah di Malaysia dan beliau bukan sahaja diiktiraf di peringkat Malaysia, malah juga di peringkat antarabangsa. Transkrip temubual ini menyentuh dan membincangkan serba sedikit tentang kejadian di mana, mengapa Sungai Golok di pilih dan dijadikan sempadan antara Malaysia dan Thailand dari sudut cerita rakyat. Ini kerana, temu bual ini bertujuan untuk mencari dan mengumpul cerita-cerita rakyat yang ada di Kelantan. Oleh itu, cerita Sungai Golok yang dijadikan sempadan Malaysia dan Thailand telah dipilih kerana pada dasarnya masih ramai yang tidak mengetahui cerita sebenar di sebalik Sungai Golok yang menjadi tumpuan warga setempat. Kisah pemilihan Sungai Golok sebagai sempadan pemisah Malaysia dan Thailand telah merungkai segala persoalan dan mengapa ianya terjadi?*

Kata kunci: *Pak Siri, Cerita Rakyat, Sungai Golok, Kelantan*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Siri Neng Buah
Umur	63 Tahun
Jantina	Lelaki
Warganegara	Malaysia
Tarikh Lahir	9 Disember 1953
Tempat Lahir	Besut, Terengganu
Alamat	Lot 352, Kampung Kok Seraya Chabang Empat 16200 Tumpat, Kelantan
Status Perkahwinan	Berkahwin
Nama Isteri	Mek Kechiom a/p Eh Phreng
Bil. Anak	3 Orang
Jawatan	Kakitangan Kerajaan (Bersara)
Email	sirinengbuah@yahoo.com
No. Telefon	017-3608733
Taraf Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda (kepujian) Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia

PENGENALAN

PENGENALAN

Sempadan Malaysia-Thailand adalah sempadan antarabangsa yang memisahkan Malaysia dan Thailand. Sempadan ini dibentuk pada 1909, berikutan Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Jarak sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand dianggarkan sejauh 646 km. Dari jumlah tersebut, sejauh 551 km adalah sempadan darat manakala 95 km adalah sempadan mengikut thalweg (bahagian terdalam) aliran utama Sungai Golok, Kelantan.

Semasa Darurat Tanah Melayu dan perang dengan Komunis sehingga 1970-an, pemberontak komunis biasanya menyeberang masuk ke Thailand, balik semula ke Malaya (dan akhirnya Malaysia) untuk mengelakkan penangkapan oleh Malaya dan tentera Komanwel. Di sempadan ini juga terdapat tembok yang dibina oleh Malaysia dalam 1996, untuk mencegah penyeludupan di beberapa kawasan sensitif. Terdapat empat negeri yang bersempadan dengan Thailand. Daripada barat ke timur, mereka adalah Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan. Di sebelah Thailand pula terdapat empat wilayah iaitu daripada barat ke timur, mereka adalah Satun, Songkhla, Yala dan Narathiwat.

Bagi memantapkan lagi urusan sempadan Malaysia-Thailand, persetujuan untuk menanda dan mengukur sempadan antarabangsa Malaysia dan Thailand telah dibuat dengan menandatangani Memorandum Persefahaman di Bangkok, Thailand pada 8 September 1972. Kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat telah dimulakan pada 6 Julai 1973 dan kerja-kerja tersebut berakhir pada 26 September 1985. Dalam tempoh tersebut, sepanjang 543 km garis sempadan antarabangsa bersama (darat) telah ditanda dan diukur. Baki jarak sempadan darat di kawasan Bukit Jeli, Kelantan sepanjang 8.5 km walaupun telah ditanda dan diukur, tetapi memorandum persefahaman belum ditandatangani kerana adanya perbezaan pendapat dalam mentafsirkan perjanjian sempadan berkenaan. Pada tahun 1993, Malaysia dan Thailand telah bersetuju untuk menjalankan kerja-kerja siasatan, tanampastian dan penyelenggaraan secara berterusan ke atas tanda-tanda sempadan di sepanjang sempadan antarabangsa bersama yang didapati hilang, rosak atau terkeluar dari tempat asalnya. Setakat ini, jarak sempadan antarabangsa bersama sejauh 345.4 km (63%) di kawasan-kawasan membangun telah berjaya diselenggarakan. Kerja-kerja penyelenggaraan sempadan antarabangsa bersama ini

telah ditangguhkan pada tahun 1999 untuk memberi tumpuan kepada kerja-kerja penandaan dan pengukuran di sepanjang Sungai Golok.

Sejajar dengan ketetapan Artikel 3, Perjanjian Bangkok, sebuah Suruhanjaya Bersama Sempadan yang terdiri daripada Pegawai British dan Siam telah dibentuk bagi menggarisi dan menetapkan sempadan baru antara Siam dengan Negeri-Negeri Melayu utara. Pihak Siam telah melantik Major-General Mom Novendr Raja sebagai President Suruhanjaya Sempadan Siam manakala pihak British melantik Kolonel H.M Jackson, Ketua Juru Ukur Bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu sebagai President Suruhanjaya Sempadan mewakili British. Dalam mesyuarat Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Sempadan yang diadakan di Pulau Pinang pada 10 Disember 1910, kedua-dua pihak bersetuju untuk memulakan kerja menetapkan sempadan dari bahagian barat terlebih dahulu.

Pada 6 Februari 1910 anggota-anggota Suruhanjaya Sempadan telah mengadakan pertemuan di tebing tinggi yang terletak di Sungai Perlis untuk menentukan garis sempadan di bahagian darat. Dalam pertemuan itu, kedua-dua presiden Suruhanjaya Bersama Sempadan British-Siam telah mencapai kata sepakat untuk menjadikan 'Batu Puteh' sebagai "*the most seaword of the northern bank of Estuary of the Perlis River*". Tebing Sungai Perlis didapati tidak sesuai untuk mendirikan batu tanda kerana ia dipenuhi oleh "*mangrove swamp*".

Kerja menetapkan sempadan Kelantan-Patani oleh Suruhanjaya telah bermula pada 9 Jun 1911. Suruhanjaya di pihak Siam diwakili oleh Major-Jeneral Phya Sakda Bidaj sebagai Presiden, Phra Visai Luang Pitchet dan Kapten Luong Ron sementara di pihak British masih diwakili oleh Kolonel Jackson sebagai Presiden, Laidlaw J.M dan H.S Mason. Suruhanjaya Sempadan British-Siam turut menghadapi pelbagai masalah dalam menetapkan garis sempadan di kawasan itu. Masalah itu berpunca daripada perbezaan tafsiran tentang kenyataan dalam protokol sempadan berhubung dengan punca kepada Sungai Golok.

Di sekitar kaki Bukit Jeli itu terdapat dua sungai utama iaitu Sungai Sat dan Sungai Lanah. Anggota Suruhanjaya berbeza pendapat mengenai sungai manakah yang boleh dianggap sebagai punca utama bagi sungai Golok. Sungai Sat ialah sungai yang mengalir sejauh dua batu

dari Bukit Jeli, manakala Sungai Lanah pula mengalir sejauh sembilan batu dari Bukit Jeli. Bagi pihak British, sungai Sat merupakan hulu kepada Sungai Golok, tetapi wakil Siam berpendapat sungai Lanah adalah punca utama Sungai Golok.

Dan Akhirnya setelah beberapa perbincangan dan rundingan dilakukan Sungai Golok dipilih sebagai sempadan antara Malaysia dan juga Thailand kerana kedudukan Sungai Golok yang mengalir antara Bukit Jeli dan Kuala Tabar. Dan juga pihak British berpendapat bahawa Sungai Sat adalah punca utama Sungai Golok. Akhirnya pihak Siam dan British bersetuju menjadikan Sungai Golok sebagai sempadan pemisah antara Malaysia dan Thailand.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Pada 28 April, Jam 2.25 petang saya Indera Syah Iyman dan pasangan saya Muhammad Rifaie akan menemuramah seorang tokoh sejarawan, iaitu Cik Siri Neng Buah di Pusat Internet 1 Malaysia, daerah Tumpat, Kelantan. Temuramah ini adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan subjek IMR604, Sejarah Lisan. Hasil dari temu ramah ini Insyaallah akan dikongsi supaya cerita ini tidak dilupakan dan diabaikan oleh rakyat Malaysia seterusnya member pengajaran kepada rakyat tentang kejadian yang berlaku di sebalik kejadian Sungai Golok yang dipilih untuk dijadikan sempadan antara Malaysia dan Thailand. Terima kasih Pak Siri atas kesudian untuk ditemuramah. Boleh kita mula?

PS: Boleh.

Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

PS: Siri Neng Buah

MR: Muhammad Rifaie Bin Mohd Nadzri

ISI: Indera Syah Iyman Bin Roslan

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

ISI : Ok, pertama sekali boleh Pak Siri ceritakan sedikit latar belakang diri Pak Siri?

PS : Nama yang diberikan oleh orang tua saya adalah Siri manakala orang tua saya

bernama Neng Buah. Saya dilahirkan pada 9 Disember tahun 1953 di sebuah perkampungan Siam yang dilingkungi oleh perkampungan Melayu yang diberi nama Kampung Pak Kiang, Bukit Keluang, Besut Terengganu. Dalam sebuah keluarga siam yang berasal daripada Semerak Pasir Putih, Kelantan. Kedua ibu bapa saya telah berpindah dari Semerak dan tinggal dengan ayahnya yang membuka kawasan penempatan di Kampung Keluang. Oleh kerana, terdapat tanah yang subur disitu, maka berpindahlah mak dan ayah saya di kampung datuk saya. Pada mulanya saya ingin dilahirkan di Kelantan di kampung emak saya, tetapi oleh kerana saya dilahirkan tidak cukup bulan (ketawa) iaitu 7 bulan, jadi saya terpaksa dilahirkan di kampung atuk saya, jadi saya menjadi anak Terangganu bukannya anak Kelantan (ketawa). Jadi anak yang dilahirkan tidak cukup bulan, dia ada dua kesan kepada anak itu sendiri. Kesan pertama, keberangskalian besar anak itu akan meninggal dunia dalam beberapa bulan selepas dilahirkan. Ini kerana, sistem perubatan pada masa itu tidaklah moden sekiranya terjadi penyakit jorgis ataupun penyakit kuning dibiarkan begitu sahaja, ataupun dibuat ubat-ubat daripada herba yang adakalanya tidak selamat. Tetapi anak ini [merujuk kepada diri Pak Siri] dianggap selamat dan dianggap sebagai anak istimewa bukannya kanak-kanak istimewa tetapi akan menjadi anak yang istimewa yang mempunyai satu-satu kebolehan yang dianggap luar biasa. Tetapi pada saya, luar biasa saya adalah menghadapi pelbagai penyakit. Itulah maksud luar biasa bagi saya. Saya mempunyai penyakit sakit jantung yang memaksa saya dibedah, saya ada kencing manis, saya ada strok otak akibat belajar, saya ada penyakit bulu hati dan penyakit radang, dan juga penyakit-penyakit lain. Jadi barangkali itulah istimewa anak ini

(ketawa). Dari segi kefahaman budaya, saya agak bernasib baik pada zaman kecil, saya dikelilingi oleh kampung-kampung budaya melayu iaitu orang melayu yang menjalankan kegiatan budaya tempatan seperti monteri, ada tok biduknya di kampung kami, man gayung, ada tok pendekarnya, ada seorang itu digelar Che Mah Tok Dekar disebabkan pendekarannya. Ada juga Tok Long yang digelar Tok Sulung Mindud kerana kebolehannya meminduk monteri. Kita ada pulak danau wayang kulit yang digelar Che Ngah Pak Rahim dan sebagainya. Ada juga pemuzik wayang kulit yang lengkap setnya. Kita ada kumpulan dikir barat yang diketuai oleh Abe Paq. Dan kita juga ada pertandingan wau pada setiap musim selepas musim menuai. Dan kita juga kadang-kadang secara curi-curi bermain laga ayam dan tujuannya bukanlah untuk berjudi, tetapi untuk berseronok. Dan ayam siapa yang kalah dalam pertandingan tersebut akan menerima dan menjamu kami di kampungnya, kawasannya ataupun juak-juaknya untuk kami datang pada hari tersebut dan kami akan makan bersama-sama. Ia tidak berjudi, tetapi mengikut undang-undang ianya salah kerana menyiksa binatang. Contohnya, kampung saya itu terdapat kampung melayu dibelakang yang ketuanya bernama [bunyi pintu ditutup] - Pak Sidik iaitu seseorang yang boleh dibawa kira [boleh dibawa bincang]. Ini kerana pak sidik ini jika diajak untuk menyertai hal-hal dari segi budaya dia akan ok. [tanda setuju] Jadi kita faham, begitu juga sekiranya kita hendak orang yang dikir barat, kita nak cari orang yang bermonoral yang berkait dengan monoral Siam cari ayah saya. Jadi dalam kehidupan harian saya memang terdedah dari awal tentang budaya tempatan. Dan kemudian dari segi sejarah, saya memang berminat. Atuk saya iaitu ayah kepada ayah saya mempunyai banyak

pengalaman khususnya pengalaman tentang sejarah. Contohnya dia pernah berjumpa dengan Tok Janggut, berjumpa dengan Mat Kilau, berjumpa dengan Datok Bahaman dan sebagainya secara berdepan. Ini kerana, beliau adalah kapitan siam di Besut, jadi apabila pahlawan-pahlawan ini datang, dia diminta mejadi penterjemah oleh Raja Besut. Jadi dia berkhidmat di bawah Raja Besut pada ketika itu jadi sememangnya atuk saya mempunyai keistimewaan tersendiri.

ISI : Boleh saya tahu berapa umur pak siri sekarang?

PS : Sekarang ini, jika diikuti daripada hari saya dilahirkan pada tahun satu Sembilan lima tiga [1953]. Jadi sekarang ini umur saya enam puluh dua [62] tahun lima [5] bulan. Jadi sekiranya tahun ini sampai pada Sembilan haribulan Disember [9.12.2016], umur saya akan genap enam puluh tiga [63] tahun. Saya belajar di Sekolah Kebangsaan Keluang Besut, yang sebelum ini dikenali sebagai sekolah umum Keluang kerana pada waktu itu belum ada sistem Kebangsaan. Sekolah Umum ini mengajar Alif, Ba, Ta, Sa, Jim, Ha, Sat, Jim, Sat, Ta, Wau, Lam, Qaf dan begitulah. Oleh sebab itu saya boleh membaca jawi. Jadi pada darjah tiga, sekolah itu bertukar menjadi sekolah kebangsaan penuh maka diajarkan bahasa rumi iaitu bahasa melayu. Barulah diajar ABCD dan sebagainya. Jadi orang tua saya iaitu atuk saya tidak mahu saya tidak faham bahasa siam disebabkan saya sebagai anak daripada keluarga pemimpin walaupun kami tidak mempunyai banyak beza daripada penduduk yang kami pimpin maksudnya kami juga perlu bersawah juga, tanam padi juga kena semua la seperti orang kampung juga tetapi bezanya kami diberi sedikit keistimewaan oleh Raja Besut dengan mengurniakan tanah seluas

sepuluh [10] hektar untuk tapak rumah atuk saya.

ISI : **Ohh!!! Mesti besar rumahnya?**

PS : Tidak, rumahnya tidak besar, tanah saja yang besar. Jadi atuk saya membina rumah di tengah-tengah kawasan tanah tersebut jadi laman saya amat luas kerana tidak ada rumah sesiapa yang masuk ke dalam pagar kami, jadi saya pun apa lagi berdengdang la berseronok-seronok. Jadi atuk saya tidak mahu saya tidak faham bahasa siam. Saya boleh bercakap tetapi cara orang kampung iaitu dialet kampung.
[bahasa kampung]

ISI : **Oh, dialek kampung?**

MR : Ya. Macam orang kedah kan? Hang nak pi mana, awat ang, (ketawa) ataupun lagu kedah ni dia ada tiga [3] lagu ja ha kan? Kedah ni dia ada tiga [3] lagu ja. Dia bukan ayam itik, pokok emas ka apa ka dia Nampak cepat sikit, *apa ka lagu budak tu* (ketawa), klau dia tnya kita apa khbar, *lagu mana hang sekarang* dan kalau kita duduk mcam biasa, *ha lagutu la* (ketawa) ha jadi tiga [3] lagu. Jadi orang tua saya mahu saya ni belajar bahasa Siam. Di tempat yang belajar bahasa siam ini hanya terdapat di temple-tempeI iaitu di *wat-wat* [tokong] biara-biara budha orang siam. Jadi saya dihantar ke Kampung Teqobok ni dekat *temple* [tokong] berhampiran *traffic light* [lampu isyarat] jalan anda nak masuk ke sini? Tadi kan ada wat Kakuntong Budis Temple. Jadi waktu itu bagunannya buruk-buruk. Ha, ala kadar

la. Jadi di sini dulu ada guru mengajar bahasa siam, tulisan siam, bahasa siam. Jadi saya seorang yang suka akan pelajaran, saya dengan cepat dapat menguasai dan belajar bahasa siam. Akhirnya saya mendapat kelulusan bahasa siam ini yang tertinggi yang ada di Kelantan. Iaitu *Takma Supsa Che Peng*. (bertutur Bahasa Siam) Di samping itu, saya juga telah mengikuti tatabahasa siam di Thailand di beberapa pusat pengajian tetapi bukan untuk buat ijazah tetapi khursus. Yang dipanggil khursus kemahiran bahasa. Dan hari ini saya salah seorang guru bahasa siam dan bahasa Thai di sekolah Rakyat Tekwang untuk mengajar pelajar-pelajar saya iaitu pelajar tahun akhir dan saya juga lulus Sarjana Muda sains Kemasyarakatan dari Universiti Sains Malaysia. Dan pengajian saya adalah dalam sudut Sains politik dan kesusasteraan.

ISI : Adakah ini pencapaian tertinggi Pak Siri dalam pendidikan?

PS : Ya

ISI : Adakah Pak Siri mempunyai nama gelaran yang tersendiri?

PS : Tiada gelaran. Nama saya yang diberi oleh ayah saya adalah Siri Neng Buah, jadi itulah gelaran bagi diri saya.

ISI : Gelaran oleh pak siri yang dipanggil orang kampung?

PS : Orang kampung akan memanggil saya *Long Reed* yang maksudnya adalah uncle siri. Kalau anak muda dia akan memanggil saya dengan nama long *belako* disebabkan dia ikut anak-anaknya yang memanggil saya Long Reed. Dan bagi orang melayu memanggil saya dengan Pak Siri. Sesuailah bagi orang pencen seperti saya dan saya pon berbahagialah dengan gelaran-gelaran. Saya adalah mendapat banyak tokoh saya ada Sembilan [9] tokoh. Iaitu pengiktirafan daripada peringkat nasional dan negeri. Dan pengiktirafan yang paling besar bagi saya adalah Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup Malaysia. Dan anda boleh lihat di internet Wakoh daripada jabatan warisan Negara, anda akan Nampak saya iaitu tokoh warisan Negara. Saya diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai tokoh warisan dalam bidang pengetahuan seni budaya dan sejarah tempatan.

ISI : **Kiranya itulah pengiktirafan tertinggi Pak Siri?**

PS : Ya, ekoran daripada tokoh itu ataupun anugerah itu, saya telah dinamakan sebagai pakar rujuk UNESCO untuk Malaysia dalam bidang seni budaya dan menjadikan saya terkenal di serata dunia. Disebabkan saya mewakili Malaysia ke persidangan UNESCO banyak kali dan UNESCO adalah peringkat dunia.

ISI : **Berapakah jumlah negara yang telah dijejak Pak Siri?**

PS : Sekitar melebihi tiga puluh [30] buah Negara dan ia boleh jadi tiga puluh empat [34] ataupun tiga puluh lima [35] buah Negara.

ISI : Negara manakah yang paling seronok pernah Pak Siri pergi?

PS : Saya. Aaa, saya perlu tegaskan dulu bahawa, kalau hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri. Hujan emas di negeri orang, hujan intan berlian di negeri orang, hujan keris lembing di negeri kita, negeri kita juga. Jadi pada saya, tidak ada satu buah negeri lain di dunia ini yang saya nak bermastautin yang saya nak pergi nak duduk. Tapi kalau setakat nak melawatlah ataupun nak berjalan-jalan kalau saya diberi rezekilah saya nak pergi sekali lagi ke Jepun. Saya dah pergi dua kali ke Jepun tetapi saya nak pergi lagi, dan biarlah waktu itu kembangnya Sakura. Saya teringin nak pergi ke pulau-pulau yang indah di dunia seperti Wanraptu, seperti Gilberts Island, seperti Kalibarts, Gualau dan sebagainya yang berada di tengah-tengah lautan.

ISI : Bilakah kali terakhir Pak Siri pergi ke Jepun?

PS : Aaa, saya tak ingat. Tetapi waktu itu saya menjawat jawatan pengarah kebudayaan Pulau Pinang barangkali tahun dua ribu satu [2001] barangkali. Saya menjadi pengiring membawa duta kecil roti canai ke Jepun.

ISI : Jadi sekarang adakah Pak Siri sudah bersara?

PS : Ya, saya sudah bersara dan jawatan terakhir saya adalah pengarah bahagian

warisan tidak ketara jabatan warisan Negara Kementerian Kebudayaan. Warisan tidak ketara merujuk kepada seni dan budaya dan adat resam dan perkara-perkara kita yang kita tidak nampak. Contohnya kefahaman kita tentang ritual. Mana kita tahu sesorang itu faham atau tidak dan pak tidak tahu anda faham ke tidak tentang mak yong tentang mek mulong, tak tahu kecuali bila anda beritahu dan beritahu itu belum tentu betul. Tapi andai kata anda kata saya boleh berlakon menjadi orang muda dalam mek mulong sebab saya dah biasa. Ha cuba! -- -- -- -- (ketawa) ha misalnyakan. Ha jadi kita akan tengok. Jadi warisan tidak ketara menitik benda itulah. Dan saya memang mendapat banyak pegiktirafan dalam sudut budaya ini dan saya juga tokoh budaya Negeri Sembilan. Satu-satunya bukan orang Negeri Sembilan yang mendapat tokoh budaya Negeri Sembilan.

ISI : Bilakah Pak Siri mendapat gelaran itu?

PS : Hermm, pada tahun dua ribu empat belas [2014] iaitu pada dua puluh satu haribulan empat tahun dua ribu empat belas [21.4.2014]. Baru beberapa hari ja kan? Baru lagi kan?

ISI : Baru lagi. Baru dua [2] tahun.

PS : Ha- baru dua tiga tahun.

ISI : Bilakah Pak siri mula menceburui bidang kesenian dan warisan ini?

PS : Saya tidak ingin mendabik dada mengatakan saya pakar dalam bidang ini, sebaik saya faham dalam bidang seni. Ertinya sewaktu saya berusia enam tahun dan tujuh tahun, saya dah main wayang kulit. Saya pergi tengok wayang kulit pada waktu malam dan esok saya nak pergi sekolah, jadi saya esoknya saya tak jadi nak pergi sekolah (ketawa) sebab nak tengok wayang kulit. Dan bila balik susah nak bangun untuk ke sekolah, dan pasti saya pergi ke sekolah pada waktu tengahhari kalau saya nak pergi, kalau tidak saya tak pergi. Saya takut disorak oleh kawan-kawan (ketawa). Oleh itu saya tak pergi ke sekolah. Jadi, jika saya tak pergi ke sekolah, saya tidak boleh duduk di rumah sebab nenek saya akan berleter. Oleh itu saya akan pergi ke belakang rumah mengambil daun-daun mangga dan saya akan membuat wayang kulit dan saya akan main apa yang saya nampak pada malam tadi. Jadi sampai atuk saya kata aii budak nii besar-besar esok jadi *tok daley* [Tok dalang] *ni haa* [ini]. Jadi dia khabar begitu. Jadi begitu juga apabila menorol, pak akan ikut apa yang mereka tarikan, siang hari pak akan bergaya pak jadi hero lah dan macam-macam tetapi tidak kahyal tentang bercinta disebabkan masa itu masih belum ada naluri sebegitu kan?

ISI : Ya, betullah masih muda pada ketika itu.

PS : Ya, masa itu pak baru sahaja berumur sekitar tujuh tahun dan lapan tahun, tiada lagi naluri bercinta. Jadi begitulah juga dengan cerita-cerita rakyat, sangat seronok nenek akan bercerita sebelum tidur. Sebelum tidur kami akan dengar cerita nenek

sehingga setengah cerita tu sampai nenek naik bosan sebab pak suruh cerita tu ja. Tetapi saya memang begitu, suka, dan apabila mendapat buku cerita yang apabila pada darjah lima dan darjah enam saya sudah dapat membaca dengan lancarnya saya begitu suka sehingga kadang-kadang saya terlupa hendak pergi makan dan sebagainya. Seheinggakan atuk saya ajak pergi makan saya marah atuk saya sebab saya hendak selesaikan bacaan setiap satu-satu buku. Itu sikap saya. Dan sikap itu terbawa sehingga ke hari ini dan sampai hari ini juga rumah saya mengandungi banyak buku. Saya mempunyai beribu buku dan bila saya baca, saya tak mahu isteri saya panggil untuk nak makan ke, nak ajak pergi situ ke, sebab saya memang gusar.

ISI : Berapakah anggaran jumlah koleksi buku Pak Siri?

PS : Saya tak bilang tetapi tengok pada cara susun tu tidak kurang pada tiga ribu [3,000].

ISI : Pak Siri boleh membuat perpustakaan lah?

PS : Ada sebilik ruang.

MR : Perpustakaan bergerak? (ketawa)

PS : Tidak bergerak tetapi *static* [kekal](ketawa). Ha jadi ada sekitar gitulah.

ISI : **Siapakah yang banyak mempengaruhi Pak Siri untuk terus meminati bidang kesenian ini?**

PS : Rasanya tidak.

ISI : **Disebabkan sebentar tadi Pak Siri ada bercerita yang pada masa dahulu nenek pak siri banyak bercerita.**

PS : Ya.Ya. Tetapi rasanya tidak kalau kesenian ini. Rasanya kesenian ini tidak tetapi kita dibawa. Orang tua ini tak pernah galak. Galak ini maksud ha, mai, mai, ha main la, tepuk tangan gitu ha, tapi ini main wayang kulit. Atuk suruh pergi ambik lembu bawak mari kan, kita dok [sedang] main wayang kulit kot [sedang] kena curi, atuk bawak rotan, bergeliang rotan lari. Jadi galak apanya macamtu (ketawa). Jadi dia datang sendiri disebabkan minat dan saya didedah. Ha, pendedahan. Jadi sukacitanya didedahkan oleh nenek. Tetapi nenek tak cakap “Ha, esok-esok engkau jadi pencerita”. Ha, tidak ada. Dia dok cerita ha malam ni, nenek, nenek, cerita la nek, cerita la nek yang beruk tua tu. Malam tadi kan dah cerita beruk tua tu? Alah tak apalah nek. Macam mana nenek kalau dia nak bagi pokok tu jatuh? Ha jadi saya pancing la. Jadi nenek kata tup.tup.tup, kikiki (ketawa) suka jadi beruk tu sebut supaya pokok tu tumbang. Saya suka mendengar perkataan tup.tup.tup itu, padahal tiada kaitan apa makna pon cuma nak suka ja. Jadi anda

tahulah tidak ada television pada waktu itu kan, ada radio pon bukannya ada cerita rakyat pon. Alahh formalnya. Waktu itu radio ni kan benda formal kita perlu dengar satu-satu acara dia padahal kita dengar benda tu ja dan saya dengar dikir barat haritu ja. Ha, haritu ja saya dengar dikir barat. Kiranya betul formal la. Apatah lagi kalau nak bagi kita telepon ka -- -- DJ ka, ooo..jangan la tak ada la ceritanya. Jadi saya *boring* [bosan]. Tapi bila datang lagu asli saya akan dengar sungguh dan dia keluar pulak hari jumaat, ha dia panggil dendang Kamariah Noor. Ha saya akan dengar begini ha, sampai meleleh air liur tak tahu. Ha sebab dia lagu asli. Tapi bila datang *gedengang gedegup* [merujuk pada bunyi muzik yang kuat] tak tentu pasal, saya tutup.

ISI : Adakah Pak Siri ada meminati mana-mana lagu?

PS : Sudah tentu sekali.

ISI : Lagu apakah itu?

PS : Saya meminati lagu-lagu Kamariah Noor. Semua lagu Kamariah Noor saya suka dan Kemboja layu saya suka sekali. Seinai Mayang, Taman gemala sari, Damak, damak iur daging puncak mahligai, masak kelupat bersirih itik, hancur daging tulang berkecai, belum dapat belum ku berhenti.

ISI : **Boleh Pak Siri nyanyi sedikit tak? (ketawa)**

PS : Hermm, nyanyi tu nampaknya Tuhan tidak berikan pon sedikit bakat (ketawa). Ya tidak ada bakat. Tapi orang nyanyi salah tu saya tahu, ha salah lirik tu saya tahu elehh ni bukan asli ni ni serongsa ni, [contoh lirik lagu] ha saya tahu sebab saya pernah menjadi pengadil-pengadil untuk lagu-lagu ini. Dan saya juga suka pada pantun. Banyak university terutama Universiti Malaya tu panggil pak ni sebagai pengadil peringkat akhir dua belas [12] tahun berturut-turut dan tahun lepas saja pak terpaksa tolak. Tahun ni belum mereka hubungi mungkin merajuk ke tak tahu lah (ketawa). Tahun lepas *last minit* [minit akhir]. Mula-mulanya ok, tapi *last minit* pak tolak kerana pak diminta oleh Majlis Atarabangsa Festival dan Kesenian Rakyat Malaysia membawa rombongan ketua dedikasi ke Emirates Arab Bersatu. Tentang apa? Bawak apa? *Gasing ori* [gasing asli].

MR : **Gasing?**

PS : Yes [Ya]. Gasing.

ISI : **Gasing?**

PS : Ya, *gasing ori* [gasing asli].

ISI : Main dekat sana?

PS : Ya. Bawak pergi sana bawak ke Scotland

MR : *Fuyoo!* (tanda kagum)

PS : Di Scotland, kita *zoom* pusing gasing tu *zoom zoom* (pak siri meniru bunyi gasing berpusing). Dia nak tengok, dia kata did it have a machine inside? *“No, this no machine, this our skills. Our techno program skill. No I don’t believe it. Why you don’t believe it? No I think must have a engine inside. Ok did u want to see?”*. Ok kita berhentikan gasing itu. *“But first, you need to pay me first hundred pound. Because it is the cost. If there are machine inside, we will return your money”*. Dia pun kata ok. Seratus [100] pound tak lah susah sangat bagi dia, bagi kita yang susahnyanya. Saya pon bagi Cik Pak Syed pecahkan, kita ada bahan yang kita ketuk kan kapak yang kita bawak tu. *Thomm, thomm* (bunyi gasing pecah), *“Did you see? Oh my God”*, ha duit masuk la dan harga gasing tu lima belas [15] pound saja. Jadi kita boleh la sikit (ketawa).

ISI : Bijak-bijak. (ketawa)

PS : Jadi banyaklah yang kata jangan fikirlah yang seni budaya ni tak boleh cari makan. Kalau kita bersungguh, kita boleh hidup dan kita boleh cari makan. Yang masalahnya kita hidup tak hidup itu yang masaalah.

ISI : Nak tak nak.

PS : Ha nak tak nak. Ha boleh wat bubu? Ha boleh. Buat macam mana? Sikit-sikit. Ha boleh buat apani ha serkap burung ha *jebok burung* [sangkar burung]? Boleh, ha bila boleh buat? Hermm, lama-lama sikit. Tapi cuba anda tengok dekat jalan Pangkalan Kubur, *jebok burung* [sangkar burung] yang tercatat hasilnya seribu lima ratus [1,500] ringgit.

ISI : Oh! Mahal jugak.

PS : *Yes*, [Ya] kata orang *tak dey tange* [Tak cukup tangan nak buat kerja]. Kalian faham maksud *tak dey tange*?

ISI & : Faham.

MR

PS : Ha, saya nak pergi beli untuk pembesar di Kedah tu, pensyarah daripada Sungai Petani tu, di Institut perguruan Sultan Abdul Halim tu, mintak tolong la nak bawak pergi, boleh tapi tiga bulan lagi la. Alamak!! Tiga [3] bulan lagi? Ha lepastu ha letak la cekereng, duit cekereng. Ha cekereng ka cekerang ka kita tak peduli la ha ambik. Ha untung betul2. Ha sekarang ni buat serunai kan. *Teyyy, teyyy, teyyy* (mainkan bunyi serunai). Ha sekarang sebatang boleh dijual haraga seribu dua ratus [1,200] ringgit sekarang! Dulu seratus [100] ringgit pon tak laku. Serunai tu,

ha tu budak cina ada budak nama dia Aran, budak di Kok Lanas.

ISI : Pandai buat?

PS : Pandai buat, pandai berlagu. Umur baru masuk asrama tahun pertama.

ISI : Asrama tahun pertama?

PS : Yes [Ya], baru ni dia ambik SPM.

ISI : Muda lagi.

PS : Dan sekarang ni dia kata, tak apa lah pak, uncle apa *tokchai*. *Tokchai* ni maksudnya adik pada atuk, *tokchai*. Ha dia kata, tak apa lah *tokchai*, saya jual lapan ratus [800] *yaa* [ringgit], tujuh ratus [700] *yaa*. Ha Nampak promosi dia kata. Berapa *yaa*? Tujuh ratus [700] *yaa*, lapan [800] *yaa*. Sebab apa? Orang lain jual sampai seribu [1,000] *yaa*? Untung.

ISI : Ok, berbalik kepada soalan tadi, Pak Siri tinggal di Kok seraya kan?

PS : Saya tinggal di Kampung Kok Seraya, di lot 352 kampung Kok Seraya, cabang empat, Tumpat, Kelantan. Atas tapak tanah isteri saya. Menjelang saya bersara. Saya gunakan wangnya, wang simpanan yang tidak banyak mana, bercampur dengan pampasan dapatlah boleh buat rumah

ISI : **Berapa lamakah Pak Siri tinggal di situ?**

PS : Menjelang pencen masuk tahun ke empat [4] lah.

ISI : **Bilakah tarikh Pak siri berkahwin?**

PS : Hermm, saya ingat saya berkahwin tujuh belas [17] haribulan Mei [5] tahun satu satu lapan enam [1186].

ISI : **Boleh tahu nama isteri Pak Siri tak?**

PS : Mek Ciang. Orang Kelantan bila tahu ada orang beranak di bagis waktu itu, sebut sahaja budak siam. Budak siam laki ke perempuan, mek *gapo* [apa] nama? Terus mek tu permulaan. Mek *gapo*? Mek nu mek ni kan jadi Mek Ciang

ISI : Isteri Pak Siri berasal dari mana?

PS : Isteri saya berasal dari Kampung Kok Seraya.

ISI : Agak-agak Pak siri, masih ingatkah bagaimana pengenalan Pak Siri dengan isteri Pak Siri?

PS : Saya seorang yang tidak berbakat dari segi bercinta. Tidak berbakat dan seringkali malu. Tapi mahu (ketawa). Saya malu dan mahu. Saya waktu remaja waktu umur saya meningkat pada umur dua puluh dua [22] sampailah dua puluh empat [24] dan dua puluh lima [25] saya banyak bergiat dalam bidang seni penulisan kepusian. Dan sering juga mendlakimasikan puisi di merata-rata dan sering juga waktu itu saya bertugas sebagai guru swasta, sering pulak saya hadir dalam perjumpaan-perjumpaan budaya. Dan sering pulak dalam bicara budaya, saya memberikan pandangan-pandangan yang dianggap cepumas. Jadi saya akan bercerita dengan begitu -- jadi penceramah ini, bila saya ni kan, mereka berhati-hati. Begitu juga dengan pensyarah saya di Universiti Sains, bila saya bercakap tentang kesusteraan di hadapan dia, mereka berhati-hati.

ISI : Sebabnya?

PS : Sebabnya, saya akan bantah apabila mereka cakap tak betul. Dan bantahan saya tu berdasarkan kepada hujah yang betul. Dan saya tidak suka menengkin guru. Tapi kalau dia tak betul saya beritahu. Ha saya menegurnya bukan begitu Prof [professor] ha kan. Jadi. Oleh itu saya mempunyai peminat yang agak ramai (ketawa).

ISI : Popular? (ketawa)

PS : Ha popular, bersajak. Sajak saya gunakan ialah Sungai Mekong, Latif Muhiyidin. Dan dengan satu sajak lagi yang saya suka Gadis di Kuburan.

ISI : Macam mana bunyi sajak itu?

PS : “Nisan condong tegak baertaburan, berlari gadis ke sawah, sekecil-kecil doa dipanjatkan, kenangan zaman lampau bermain kembali. Itukah abang ya adikku, betulkah abang bersumpah bahawa abang tidak akan cari yang lain, sumpah tidak boleh diulangkali adikku”. Ha. Tengok pasai tu tidak romantik? Hee, ni tua sangat dah ni, kalau muda dulu mengancam tak tentu pasal.(Ketawa)

MR : Cair habis (ketawa).

PS : Ha, jadi saya juga mencipta selasihku sayang, dalam cerita rakyat Terengganu. Ha contohnya pantun, “Tanam selasih dipagar cempedak, kalau berbunga apa warnanya, berderai kasih bertalak tidak, kalau bercerai apa tak jadi”. Ha apa jawab dewi?

ISI : Tak tahu.

PS : “Tanam selasih dipagar cempedak, kalau berbunga merah tandanya, bercerai kasih bertalak tidak, batu nisan itulah sebagai tanda”.

ISI : Oh, dia seperti melawan pantun?

PS : Ya, “Hidup ku tua biar berjungjung uban, biar mati terkawang di hujung pusara, biar berteman layu-layunya kemboja, namun hidupku hanya untukmu”.

MR : Ayat berpunjanga

PS : Ha, Jadi cair kalau hati batu pon (ketawa). Ha. Jadi ramailah peminat. Tapi pak

layan jugaklah setengah-setengah tu (ketawa) yang pak rasa patut dilayan. Tapi waktu itu kami tidak pandai berpeluk-peluk. Nak pegang tangan pon tidak. Takut macam anak ayam kesejukan. Tapi sekali-sekala ada juga masalah. Apabila ia sampai ke peringkat intimnya menjadi masaalah yang masalahnya ialah masalah agama, sebab budak-budak yang syoq (menunjukkan suka) dekat pak ini budak melayu. Budak siam ni tak pedulinya (ketawa). Budak melayu ni suka *sweet-sweet* [romantis].

MR : Yela suka ayat-ayat.

PS : Ha- Ya, budak melayu. Sebab kita pon bebahasa melayu. Jadi takkan budak siam yang hari-hari dok tanam kangkung nak pergi puisi dengan dia? Puisi apa. Dia pun malas belajar budak-budak tu, dululah jangan sekarang. Jadi ada masalah begitu dan mak tidak bersetuju. Ada yang ikut sampai ke rumah pun ada.

ISI : Ikut sampai rumah?

PS : Ya ada, rumah mak. Jadi mak sampai *tak mau la* [tidak mahu] waktu tu sebab payah. Kerana masalahnya kerana apabila seseorang anak ini memeluk islam. Masuk islam, mereka ada macam-macam batas terhadap ibu bapa. Datang ke

rumah bapak taknak makan apa-apa takut kena babi. Jadi adakah mak bapak akan setuju. Kan?

ISI : Jadi susah sedikit la.

PS : Ha, kalau kita tengok, dalam islam dia tak kata jangan makan kat rumah mak bapak engkau, tapi kita yang buat keja gitu, Jadi lepastu kita tak ziarah mak kita yang sakit dekat hospital ni sebab mak kita dengan kita tidak seugama. Jadi itukah yang dimintak? Jadi inilah masalahnya yang melanda. Jadi persepsi ibu bapa ini hari-hari nampak banyak berubah. Bila dalam pergaulan akan banyak berubah. Bila cakap ni--. Tapi dengan si budak ini yang menjadi isteri pak sekarang, pak tak pernah bercinta. Tapi pak tengok dia ni salah seorang yang cantik waktu itu. Kan dulu selalu pergi temple kan. Pak duduk di *temple* [tokong] belajar kan jadi selalunya pak akan mengintai dia. Budak ni comel la (ketawa). Jadi tak la kata dialah nanti akan menjadi jodohku, tak ada. Nampak comel je.

ISI : Minat?

PS : Ha. Minat. Kita pon terbayang dia kan, jadi lama-lama kita berkawan, bercakap tapi tak pernah pulak saya pergi dengan dia berdua-dua, tak ada. Lepas itu dah lama-lama bila saya dah bekerja dia pun dok-- dan sebagainya sekali sekala jumpa dia di wat, di *temple* [tokong] lah. Kadang-kadang tanya khabar makin lama,

“Aishh, (perasaan ragu-ragu) rasa budak ni *syog* [suka] kat aku tak tentu pasal ni, aku pon dah tua ni”. Satu hari kawan tanya kan, eh nampak mu *syog* (suka) ke Chiang tu. Kita *syog* ar tapi dia *syog* ka tak kat aku. (Ketawa.) Ha kan. Pendekkan cerita, pak bertanya pada dia. Jadi dia kata dia ada mak dan abah. Ha sebab pak tahu dia ramai peminat. Tapi dia kata dia ada abah dan mak jadi ertinya dia sudi. Kalau tak sudi dia akan kata kenapa Tanya? Ikut orang la nak ada kekasih ka nak ada tunang ka tak tunang ka awak apa peduli. Kan? Jadi kalau dia cakap camtu dia tolak latu ha ok?

ISI : Jadi Pak siri ada berapa orang anak?

PS : Tiga orang. Dua [2] lelaki dan yang bongsu anak perempuan.

ISI : Anak-anak Pak siri semua dah besar? Bekerja?

PS : Kalau ikutkan yang bongsunya masih belajar di Universiti P. Ramlee. (Bunyi fon berdering)

TAMAT BAHAGIAN 1

**BAHAGIAN 2: PERJANJIAN RASMI YANG TERLIBAT DI SEBALIK PEMISAH
THAILAND DAN MALAYSIA.**

ISI : Saya nak tanya tentang latar belakang Sungai Golok?

PS : (berdehem) Kepada cerita laa kan- Jadi *gini*, [begini] Sungai Golok- nama Sungai Golok *ni* [ini] kita tidak tahu dari mana- dinamakan sungai *dolok* [Golok]. Sungai Golok. Kenapa nama Golok? Kenapa tak nama “Klewang” ke? “Keris” ke? “Badik” ke? Jadi tak tahu. Jadi- Cuma- kita tahu dia mempunyai *significance* [kepentingan] tersendiri dari segi persempadanan- geo politik Malaysia dengan Thailand dahulunya antara negeri naungan British dengan *The Kingdom of Siam*. Ya.

ISI : Jadi asal nama usul Sungai Golok *ni* [ini] tak dapat di-?

PS : Kita tidak- apa- kita tidak tahu bagaimana dinamakan Sungai Golok. Adakah di situ terjumpanya aaa, kuala? Sejenis senjata? Ataupun adakah sungai *tu* [itu] aaa, tempat orang aaa, terjatuh goloknya? Kita tidak tahu- dan aaa, atau pun bentuk sungai *tu* [itu] terpecah dan membentuk seperti golok? *pun* [malah] kita tidak tahu. Sampai sekarang saya tidak tahu, tidak ada sumber.

ISI : Jadi Sungai Golok *ni* [ini] aaa, dia punya lokasi dekat-?

PS : Tapi aaa, di pengkalan kubur, *dia* [ia] tak dikenali sebagai Sungai Golok. Tidak.. Sungai kolok *tu* [itu] bahasa Siam- untuk nak sebut golok. Siam pulak [pula] *dia* [ia] tidak ada huruf G, *tu* [itu] kelemahan Siam- *dia* [ia] tidak ada huruf G. *Dia*

[ia] tidak ada “Lady Gaga”, dia tidak ada. *Dia* [ia] ada “Lady Kaka” (menyebut “Kaka” aaa, “Sungai Golok, Sungai Kolok” aaa, itu masalahnya. Di- aaa, di pengkalan kubur kita namakan Sungai Taba. Sungai Taba- orang kenal *gitu-* [begitu] ‘*maenang taba*’ [Sungai Taba] aaa, jadi tidak ada Sungai Golok disitu, aaa, *tapi* [tetapi] bahasa suratan kekal sebagai Sungai Golok. Kita ‘*maenang taba*’, jadi dimana mula-mulanya golok *tu* [itu] tak tahu, tak tahu...

ISI : Sejarah disebalik Sungai Golok?

PS : Cumanya, ya- ini nya yg mnjadi [tersasul] masalah [tersasul] di sebalik *tu* [itu] sungai *tu* [itu] adalah satu [1] sungai sejarah. Sejarahnya, mula-mula pak nak bagitahu. Mana negeri Kelantan? Aaa-- Ini penting. Mana negeri Kelantan *ni* [ini]? Negeri Kelantan ini, bahagian laut dgn pantai ialah mulai daripada kita pandang ke- laut. Kita tengok betul-betul Pulau Susu Dara. *Yes* [ya]. Dulu Pulau Susu Dara *ni* [ini] nama *gitu laa*. [begitulah] Tapi apabila kerajaan PAS [Parti Islam Semalaysia] memerintah Terengganu, *dia* [mereka] kata “*lucah laa* [lucahlah] sebut susu dara” aaa-- jadi *dia* [mereka] pun buat Pulau Tudung Saji. Ya. Itu dalam bahasa persuratan. tidak ada sorg pun sebut dia Pulau Tudung Saji- susu dara. Begitu *jugak-* [juga] orang tak kenal Pulau Cahaya Bulan, PCB. [Pulau Cahaya Bulan] Nama asalnya ialah Pantai Cinta Berahi. *Yes* [Ya]. (ketawa) Jadi aaa, Tuan Guru, (tersasul) Allahyarham Tuan Guru Nik Aziz tukar kepada Pantai Cahaya Bulan. PCB [Pantai Cahaya Bulan] *jugak* [juga] Mentang-mentang PAS [Parti Islam Semalaysia] *tu* [itu] *pakai bulan* sebagai

lambang kot noh [guna bulan sebagai lambing]. (ketawa) Jadi Pantai Cahaya Bulan- aaa, Jadi orang susah nak sebut Pantai Cahaya Bulan, “ahh, PCB [Pantai Chaya Bulan] *jela* [sahajalah] senang. Aaa, jadi kekal dengan perkataan PCB. [Pantai Cahaya Bulan] Cuma *tune nya* [bunyinya] lain iaitu, maknanya Pantai Cahaya Bulan. Jadi Tudung Saji [Pantai Tudung Saji] dengan Susu Dara, [Pantai Susu Dara] ejaan tak sama, aaa, jadi apabila aaa, PAS [Parti Islam Semalaysia] aaa, diganti dengan barisan, [Barisan Nasional] nampaknya nama *tu* [itu] dikekalkan *pulak* [pula]. Pulau Susu Dara. Ya. Apa salahnya, (kecewa) sebab-orang melihat aaa, dara ni cantik, ayu, anak dara- tapi itu tidak melambangkan seks. Kita melihat kecantikan wanita, dikurnia oleh tuhan dalam (tersasul) bukan dalam objek seks. Kalau kita melihat semua dalam objek seks, kita tak boleh hidup. Betul- (tersasul) betulkah? Aaa, jadi kita tak boleh hidup begitu. Jadi kalau kita pandang daripada pu- (tersasul) pantai *tu* [itu] betul-betul Pulau Susu Dara, sebelah kanan kita ialah negeri Terengganu. *Yes*, [Ya] dan sebelah kiri kita ialah negeri *kelate* [Kelantan] Oleh itu, dipacaknya satu *tanda* [penanda] dipanggilnya Kampung Pacakan hari ini. Kampung Pacakan- dipacak- tanda untuk me- (tersasul) aaa, sempadan Terengganu Kelantan. Itu sebabnya anda tengok sempadan itu *garis terus*. [lurus] Mana ada sempadan negeri melayu garis lurus- aaa, garis lurus *ja*. [sahaja] Itulah satu-satu sempadan *straight*. [lurus] Cuba tengok- Ya, mana ada negeri melayu sempadannya garis lurus, aaa, *dia* [ia] tak ada. Adanya begitu- dan kata lagi mana yang ada garis lurus- Pulau Pinang- Pulau Pinang bahagian Butterworth, *dia* [mereka] ambil kerajaan Kedah punya, “aaa, kau *gini* [begini]” mana ada guna. (menyindir) Inikan diambil, aaa,

mula-mulanya, *dia* [mereka] kata “Belanda guna tanah *ni* [ini] semakin banyak kan, orang putih *mintak* [minta] tanah lagi banyak. Aaa, jadi dia mulanya ---- kawan tepi saja, tapi kemudiannya melebar-melebar sampai begini kan. Aaa, itu bukan sempadan yang dibuat oleh orang Melayu. Orang Melayu *dia* [mereka] ikut sungai, *dia* [mereka] ikut pokok, *dia* [mereka] ikut aliran, *dia* [mereka] ikut bukit, *dia* [mereka] ikut pokok kayu, aaa, tapi oleh kerana orang putih *ni* [ini] ikut garis- aaa, jadi orang putih *jugak laa* [jugaklah] yang ikut garis. Walaupun garis pada mulanya dibuat oleh Long Yunus. Ya, jadi begitu *jugak* [juga] sempadan sampai ke negeri Terengganu, Kelantan- sampai ke- sampai ke- aaa, sempadan negeri kelantan *ni* [ini] sampai ke Bukit Tanjung. Aaa, dalam wilayah Narathiwat hri ini, aaa, Bukit Tanjung. Bukit Tanjung *tu*[itu] dipanggil Teluk Rimau. Disitu wilayah Narathiwat. Aaa, --- lepas *tu* [itu] aaa, apa ni- aaa, ikut kepada bukit dari sungai *nara*, [Narathiwat] aaa, sungai *tu* [itu] dan *bawak* [bawa] sampai ke Kota Bharu lah. Itu negeri Kelantan. Ok. Aaa, Jeli- itu negeri Siam. Batu Melintang itu negeri Siam- aaa,

ISI : Dekat situ ada Batu Gajah-?

PS : Batu gajah *tu* [itu] lain, Batu Gajah *tu* [itu] nama tempat untuk tengok batu *tu* [itu] tidur macam gajah *tu*. [itu] Itu- itu aaa, itu tak ada hal. Jadi, ini aaa, Jeli, Batu Melintang *tu* [itu] daerah. Dulu – besar dan terletak dalam negeri Thailand, *Kingdom of Siam*. Jadi, apabila berlakunya aaa, apabila berlakunya aaa, dekat --- hnya --- Ya, aaa, ada nak pergi mana, tutup dulu (dialog dengan penyelidik) jadi

apabila- (berdehem) sempadan begitu- dan apabila berlakunya aaa, tekanan- tekanan- diantara Siam dengan British aaa, mengenai masalah negeri-negeri Melayu- Siam mempunyai masalah dengan negeri Melayu yang dia naung- selama ini. Negeri-negeri Melayu ini terpaksa menghantar ufti- ke Siam. Setiap dua [2] tahun sekali dan negeri *kecik-kecik* [kecil-kecil] 3 tahun sekali. Bunga emas. Ufti bunga emas. Tetapi Siam *jugak* [juga] membalas bunga emas *tu*, [itu] aaa, kepada negeri-negeri *ni*. [ini] Bahkan mengikut aaa, dok- (tersasul) Dato' Doktor Haji Tahar, kadang-kadang lebih mahal lagi balasan daripada Siam pada negeri-negeri mlyu. Ya, sebagai hadiah- dengan aaa, pedang, berlian dengan itu, dengan copnya- macam-macam. Yang lebih -- dan "kalau dikira harganya lebih mahal lagi" kata Doktor Hadi lah, sebagai tanda persahabatan. Tapi bagi Siam, itu tanda- tunduk kepada Siam- dan Siam benarkan negeri-negeri *tu*- [itu] bebas untuk dalam negeri. Bebas- maknanya bebas. "You [awak] nak lantik siapa, you [awak] nak pegawai mana nak apa- itu you [awak] bebas. Raja-raja *ni* [ini] dia tak kira siapa yang di - rakyat ambik- orang *tula* [itulah] raja. Aaa, siapa yang disokong mungkin jadi raja. Contohnya Sultan Muhammad Tun – Perak, dia disokong dia dapat jadi raja. Ok, *dia* [baginda] *ni*- [ini] tapi raja-raja *jugak* [juga] tidak mahu bernaung dibawah Siam. Aaa, mungkin disebabkan oleh aaa, *dia* [baginda] lihat negeri-negeri yang dinaung oleh Inggeris- maju- lebih maju, lebih kaya- *hok* [dimana] raja daripada istana kayu jadi batu- bukan (tersasul) bukan istana jadi batu- berganti dengan istana batu dan sebagai-sebagai. Jadi *duk naung* [dari bernaung] dengan sebuah negara besar yang miskin buat apa? Kan- jadi datang *pulak* [pula] orang Inggeris nak berniaga begitu begini- dan

